

B/HARIAN 7/3/2019 MS 4

MySIGHT memudahkan kerja pendigitalan, kos murah

Putrajaya: Bagi memudahkan kerja pendigitalan untuk tujuan pengesanan dan pengurusan aset, sekumpulan pensyarah Sains Komputer di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) menghasilkan satu set perisian (aplikasi mudah alih dan web), mySIGHT.

Pengasasnya, Dr Badariah Solemon, berkata mySIGHT menyediakan perkhidmatan dengan harga yang murah kerana perisian menggunakan pekerja sedia ada berbanding pakar untuk pengumpulan data dan boleh digunakan dengan telefon pintar yang dimiliki oleh pekerja berbanding peranti khusus yang memerlukan kos yang tinggi.

Beliau berkata, dengan menggunakan mySIGHT, anggaran kos pendigitalan bagi setiap aset akan menjadi murah dan anggaran jumlah penjimatan kos adalah besar.

Pelanggan pertama
"MySIGHT disediakan dengan dua sistem pengendalian utama iaitu Android dan iOS dengan awalnya dibangunkan untuk menguruskan kos pengumpulan data bagi Sistem Maklumat Geografi (GIS) sebuah syarikat utiliti di Malaysia.

"MySIGHT menggunakan pendekatan crowdsourcing dalam kalangan pekerja dan juga orang awam itu adalah hasil penyelidikan yang dilakukan oleh sekumpulan pensyarah Sains Komputer di UNITEN bermula pada 2012," katanya.

Badariah berkata, pada 2017, prototaip penyelidikan itu dibeli oleh pelanggan pertama dengan MySIGHT kini digunakan untuk mengesan hampir 200,000 aset pelanggan berkenaan.

"Perisian ini dijangka membantu mengumpulkan baki 200,000 aset dalam masa terdekat, selain turut digunakan bagi menyokong pendigitalan aset, peralatan dan bangunan dengan mudah dan kos efektif," katanya.

mySIGHT bertindak sebagai satu set perisian (aplikasi mudah alih dan web) yang menyedakahkan kaedah memudahahkan kerja pendigitalan untuk tujuan pengesanan dan pengurusan aset.



Dr Badariah (tengah) bersama-sama ahli kumpulannya, Raja Feniiferina Raja Azman (kiri) dan Nik Muhammad Mirza yang menghasilkan aplikasi MySight.